

Keutamaan terhadap tahap pencapaian Bumiputera

Idea baru urus dasar kewangan

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Oleh JAMALUDDIN BAKAR

KUALA LUMPUR, Sabtu — Kementerian Kewangan mungkin mengemukakan orientasi dan idea baru dalam menguruskan dasar kewangan negara bagi memastikan matlamat Dasar Ekonomi Baru tercapai dengan berkesan, menjelang 1990.

Ketika membayangkan demikian, Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Najib bin Tun Abdul Razak berkata, Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah telahpun menyarankan perkara tersebut bila memberitahu beliau tentang bidang tugasnya nanti.

"Pencapaian 124 peratus ekonomi Bumiputera sekarang ini jika tidak segera dipertingkatkan akan gagal

mencapai matlamat DEB," kata Datuk Najib.

Bellau yang mengambil portfolio tersebut dari Datuk Shahrir Samad dalam susunan kabinet Sabtu lalu menegaskan, keutamaan terhadap pencapaian tahap Bumiputera mesti diutamakan dari sekarang.

"Kita hanya tinggal sembilan tahun sahaja lagi dalam memastikan pencapaian tersebut," katanya.

Sebagai satu langkah yang positif, tambah beliau, Kementerian Kewangan akan cuba sedaya upaya memberikan tender-tender yang sewajarnya kepada Bumiputera.

Di samping itu, Bumiputera mestilah membuktikan kemam-

puan dan kesungguhan mereka untuk menjalankan projek berkenaan agar projek yang diamanahkan itu tidak gagal.

"Jika barang bekalan itu penting kepada negara, kemudian gagal dibekalkan, maka sudah tentu ia akan menjejaskan pembangunan," tambah beliau.

Datuk Najib berikrar akan melaksanakan mandat dan kepercayaan yang diberikan kepada beliau oleh Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini.

"Saya akan melaksanakan mandat dan kepercayaan Perhimpunan UMNO dalam memastikan kepentingan ekonomi Bumiputera dapat dipenuhi dengan positif."

tegasnya.

Mengenai hubungannya dengan Menteri Kewangan, beliau menegaskan bahawa Tengku Razaleigh telah memberi bidang tugas yang banyak ditumpukan kepada kepentingan Bumiputera dalam ekonomi.

Bellau yakin Tengku Razaleigh akan memberi tunjukajar kepadanya.

"Saya yakin Tengku Razaleigh akan memberi tugas yang luas kepada saya untuk memastikan kaum Bumiputera menikmati hasil dari pertumbuhan ekonomi negara ini," kata Datuk Najib.

Bekas Timbalan Menteri Pelajaran itu menganggap jawatan yang dipegangnya sebagai 'menarik' dan berharap dapat memberi sumbangan seperti yang diharapkan.